

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sama ada Kementerian dapat menyediakan inisiatif tertentu berkaitan situasi di mana pembatik dan karyawan semakin meninggalkan industri seni dan kebudayaan berikutan pendapatan yang terjejas akibat COVID-19 dan harus beralih ke bidang yang lain bagi menyara kehidupan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sentiasa prihatin dan cakna terhadap para karyawan seni dan budaya, lebih-lebih lagi dalam keadaan sukar berikutan pandemik COVID-19.

2. Pelbagai inisiatif serta bantuan, sama ada dalam bentuk kewangan mahupun bukan kewangan, telah diberikan mereka. Sebagai contoh, antara Januari hingga Jun 2021, MOTAC telah menyalurkan bantuan sebanyak lebih RM400,000 kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan (BBK) Kebudayaan.

3. Inisiatif oleh MOTAC turut dijalankan melalui agensi-agensi di bawah seliaannya. Sebagai contoh, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mewujudkan Insentif Seni melibatkan beberapa bentuk bantuan dan perkhidmatan kepada BBK Kebudayaan, universiti dan penggiat seni budaya bagi menambah upaya NGO dan penggiat seni. Insentif yang disediakan termasuk insentif kewangan, penggunaan ruang, perkongsian kepakaran, promosi dan khidmat pemudahcara bagi bantuan disediakan pihak lain.

4. Sementara itu, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) telah mengenal pasti empat (4) segmen utama Penggiat Seni Visual melalui ekosistem seni visual Malaysia yang terkesan akibat pandemik COVID-19 iaitu:

- (i) Penggiat seni visual arus perdana;
- (ii) Pemain industri/ komersial seni visual;
- (iii) Penggiat seni di lingkungan bandar; dan
- (iv) Penggiat seni di lingkungan luar bandar.

5. Dalam hal ini, LPSVN juga turut mengambil pendekatan desentralisasi melalui penganjuran program di luar Kuala Lumpur sebagai inisiatif untuk mencari bakat baru. Peluang melalui program *upskilling* dan *reskilling* serta mewujudkan *Malaysia Art Trail* untuk kemudahan carian dan pengumpulan data turut dilaksanakan.

6. Selain itu, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) telah melaksanakan Tabung Bantuan Seni (TBS), Program Keusahawanan *Young Art Entrepreneurs* (YAE!), Program Jelajah Keusahawanan Seni dan Hab Seni Secara Dalam Talian yang dibangunkan oleh LPSVN sebagai hab maklumat mengenai komuniti seni visual antaranya GO GALLERY dan PROVISUAL.

7. Pada masa yang sama, Jabatan Warisan Negara (JWN) giat mengadakan promosi melalui penganjuran program secara maya seperti webinar dan Borak Warisan yang melibatkan penggiat-penggiat warisan kraf.

NO. SOALAN : 36

8. Dalam perkembangan mengenai industri batik, data oleh Kraftangan Malaysia menunjukkan jumlah usahawan batik di seluruh Malaysia sebelum penularan pandemik COVID-19 (sehingga 28 Februari 2019) ialah seramai 700 orang. Manakala sehingga 31 Ogos 2021, jumlah tersebut telah meningkat kepada seramai 771 orang usahawan batik daripada keseluruhan 6,220 orang usahawan kraf yang berdaftar. Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan melalui aktiviti pendigitalan seperti E-Kraf Bazar, MYCRAFTSHOPPE serta CraftOnTheGo dalam usaha Kraftangan Malaysia membantu usahawan batik memasarkan produk mereka, sebagai alternatif kepada penjualan produk mereka secara fizikal yang terhad diwaktu penularan COVID-19.
9. Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran turut telah dilaksanakan menerusi dua (2) aktiviti utama iaitu Program Pembangunan Perantisan Kemahiran (PPPK) dan Program Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK). PPPK membantu usahawan kraf mendapatkan tenaga kerja, manakala PPPKK membantu meningkatkan kemahiran dalam pengeluaran produk dan keusahawanan serta pemasaran. Sebanyak 14 aktiviti PPPK untuk bidang batik telah dan akan terus dilaksanakan. Kursus keusahawanan juga akan terus dilaksanakan bagi mempersiapkan usahawan dalam pemasaran digital yang melibatkan usahawan kraf di seluruh negara.
10. MOTAC akan sentiasa membantu penggiat seni dan karyawan bukan sahaja demi penjanaan pendapatan semata-mata, malah untuk terus memastikan seni dan budaya negara terus subur dan dipelihara.

Sekian, terima kasih.